

**Perhimpunan Bersih 1.0: Mahkamah Rayuan Tolak Rayuan 16 Perayu
Bernama
18 Julai, 2012**

PUTRAJAYA, 18 Julai (Bernama) -- Mahkamah Rayuan di sini Rabu menolak rayuan enam orang, termasuk timbalan presiden PAS Mohamad Sabu, Anggota Parlimen Batu Chua Tian Chang dan Anggota Parlimen Padang Serai N Gopalakrishnan, untuk mengubah keputusan Mahkamah Tinggi yang memerintah mereka membela diri terhadap tuduhan menyertai perhimpunan Bersih pada 2007.

Hakim Datuk K.N.Segara, yang mempengerusikan panel tiga hakim, menolak rayuan mereka setelah membenarkan bantahan awal pihak pendakwaan bahawa mereka tidak mempunyai hak untuk mengemukakan rayuan kerana perkara itu bersifat interlokutori dan oleh itu tidak boleh dirayu.

Berikutan keputusan itu, Mohamad Sabu, lebih dikenali sebagai Mat Sabu, Chua, yang dikenali ramai sebagai Tian Chua, Gobalakrishnan, Mohd Salim Yeslam, Ahmad Razali Abd Rahman, Razali Abdul, Muhd Harith Fatillah Shahabudin, Saleh Mohamad Tahir, Azahar Yusop, Sulaiman Ahmad, Taib Abdullah, Mohd Abi Salam Ariffin, Ishak Othman dan Mohd Zad Abdullah serta dua juvana, perlu membela diri di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Sebutan kes mereka dijadual diadakan di Mahkamah Sesyen pada 29 Ogos.

Hakim Segara, yang menduduki panel itu bersama Hakim Datuk Azhar Ma'ah dan Hakim Datuk Lim Yee Lan, memutuskan bahawa mereka terikat oleh keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Pendakwa Raya Iwn Letchumanan Suppiah bahawa sesuatu keputusan yang dibuat dalam sesuatu perbicaraan di mana hak seseorang tidak ditolak sepenuhnya, tidak boleh dibuat rayuan mengikut Seksyen 3 Akta Mahkamah Keadilan (CJA) 1964.

Panel itu juga mengambil kira hujah peguam Nasar Khan Mirbas Khan, yang mewakili 14 perayu bahawa Seksyen 3 CJA bukan undang-undang yang baik kerana kesan daripada seksyen itu memberi erti bahawa pihak pendakwaan boleh mengemukakan rayuan kepada Mahkamah Rayuan mengenai keputusan sesuatu mahkamah membebaskan perayu pada akhir kes pihak pendakwaan, tetapi perayu tidak boleh berbuat demikian sekiranya keputusan mahkamah tidak menyebelahi mereka.

Hakim Segara berkata satu-satunya pilihan yang ada ialah membawa perkara itu ke Parlimen.

Peguam Jason Tay mewakili Tian Chua dan Gobalakrishnan.

Mereka dituduh menyertai perhimpunan haram berkenaan yang dianjurkan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (Bersih) di beberapa tempat, termasuk di perkarangan Masjid Negara, Jalan Istana Baru, Jalan Raja Laut dan berdekatan pusat beli-belah Sogo di Jalan Tuanku Abdul Rahman antara 1 tengah hari dan 4 petang pada 10 Nov, 2007.

Mereka dituduh mengikut Seksyen 143 dan 145 Kanun Keseksaan, dengan tuduhan pilihan mengikut Seksyen 27(4) (a) Akta Polis 1967.

Mengikut Seksyen 143, jika sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum enam tahun atau didenda atau kedua-duanya sekali. Mengikut Seksyen 145, hukuman yang boleh dikenakan ialah dua tahun penjara atau denda atau kedua-duanya sekali. Seksyen 27(5)(a) pula memperuntuk hukuman denda RM10,000 dan penjara tidak melebihi satu tahun jika sabit kesalahan.

Pada 19 Nov, 2010, Mahkamah Sesyen membebaskan dan melepaskan 16 perayu pada akhir kes pendakwaan, tanpa memerintah mereka membela diri, tetapi berikutan rayuan yang dikemukakan pihak pendakwaan, Mahkamah Tinggi mengubah keputusan itu dan memerintah mereka membela diri.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=681691>